

SOALAN NO: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK  
BADAK [LUBOK ANTU]  
TARIKH : 31 OKTOBER 2017  
SOALAN : 40**

**YB Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat mana peringkat pelaksanaan pembinaan klinik di Lubok Antu ketika ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sarawak terutamanya projek Klinik Kesihatan (Jenis 4) Lubok Antu, Sri Aman.

Untuk makluman, Projek Klinik Kesihatan (Jenis 4) Lubok Antu, Sri Aman telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dengan kos sebanyak RM35 Juta.

Projek ini dilaksanakan oleh JKR Sarawak secara Konvensional Perunding dan Tender Terbuka. Projek ini dijangka akan ditender pada Januari 2018 dan dijangka siap sepenuhnya pada 2021.